

02/02/1999

Golden Kids News menyerlah

Zainuri Misfar

BERBANDING rancangan kanak-kanak lain, siri Golden Kids News dianggap kurang menyerlah disebabkan waktu siarannya yang terlalu pendek. Rancangan ini disiarkan menerusi TV2 hanya pada setiap Jumaat, Sabtu dan Ahad, iaitu pada jam 9 pagi hingga 9.05 pagi dan 10 pagi hingga 10.05 pagi.

Namun, ia tidak bermakna siri yang membabitkan golongan berusia enam hingga 13 tahun itu tidak mendapat sambutan. Mengikut kedudukan soal selidik SRM tahun lalu, Golden Kids News mengumpul jumlah penonton tertinggi iaitu sekitar satu hingga dua juta penonton.

"Sekalipun dikendalikan kanak-kanak, paparan berita dalam rancangan itu juga turut membabitkan orang kenamaan termasuk pemimpin negara," kata Intan Razak dari Television Airtime Services (TAS), syarikat penerbit program itu.

"Pada suatu ketika, salah seorang pengacara rancangan ini iaitu Khairul Azri pernah menulis surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Koffi Annan.

"Ketika itu, Koffi Annan dalam misinya ke Iraq untuk meredakan ketegangan hubungannya dengan Amerika. Dalam suratnya, Khairul menyatakan bagaimana nasib kanak-kanak di Iraq jika perang tidak dapat dielakkan di negara itu.

"Surat itu dibalas oleh Koffi dengan menggunakan kepala surat yang mempunyai logo PBB," katanya.

Menurut Intan, pencapaian Golden Kids News lain ialah mewawancara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Abdul Razak, Datuk Lee Lam Thye dan Tan Sri Razali Ismail.

Katanya, pengacara rancangan Golden Kids News pula adalah daripada pelbagai kaum dan mereka dipilih berdasarkan pencapaian akademik selain kecergasan dalam kegiatan luar darjah.

"Ketika uji bakat, kita utamakan mereka yang memperolehi keputusan peperiksaan purata 80 hingga 90 peratus ke atas.

"Mereka yang gagal mengekalkan pencapaian itu, dinasihatkan berehat bagi menumpukan masa terhadap pelajaran.

"Faktor lain pula ialah mesti bijak berkomunikasi atau bergaul, mempunyai personaliti yang baik, menarik, berdisiplin serta berhemah tinggi selain dapat memberi komitmen terhadap tugas sebagai wartawan penyiaran," katanya.

Semua pengacara mendapat latihan dalam bidang penyiaran daripada bekas pembaca berita, Robert Lam yang akan mengajar sebutan dengan betul, pergerakan badan yang baik, membentuk personaliti menarik serta boleh berkomunikasi dengan penonton secara lebih berkesan.

"Disebabkan rancangan ini dibuat dalam dua bahasa iaitu Melayu dan Inggeris, Robert Lam juga turut mengajar pengacara terbabit membuat sebutan bahasa Inggeris dengan betul dan lancar," jelas Intan lagi.

Selain Golden Kids News, TAS juga menerbitkan rancangan Golden Teen Stuff yang dikhususkan untuk remaja. Sebelum itu, TAS turut menghasilkan rancangan Rice Mice dan Planet Ria.

(END)